

PM kesal parti BN tidak ambil kira asal usul

Ada bersuara tanpa periksa

Laporan AIRY LIM, S SIVARAMAN, BADRUL-HISHAM OTHMAN dan ROSLAN ALI

KUALA LUMPUR, Sabtu — Sikap sederhana dan waras penting dalam setiap kegiatan politik parti-parti komponen Barisan Nasional bagi menjamin kejayaan rakyat dan negara di pelbagai bidang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, setiap tindakan atau keputusan hendaklah dibuat secara bijaksana dan matang demi menjaga kepentingan masyarakat berbilang kaum dan negara.

Serentak itu, Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah pihak dalam BN yang membelakangkan prinsip mesyuarah, sepakat dan saling hormat menghormati dalam memperjuangan matlamat politik masing-masing.

"Parti komponen BN sememangnya berjuang untuk memajukan kedudukan sosioekonomi dan politik masyarakatnya sendiri, tetapi mestilah sentiasa berpandu dan mengamalkan sikap sederhana dan rasional dalam setiap kegiatan," tegasnya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA yang ke-34, Wisma MCA di sini, hari ini.

Katanya, ada di kalangan parti komponen yang kerap serta nyaring menyuarakan sesuatu perkara tanpa mengambil kira asal usul perkara yang dibangkitkan dan memperhitungkan akibat tindakan gopoh mereka.

"Saya berpendapat sekiranya ada ketidakpuasan hati mengenai sesuatu perkara, parti komponen BN sepatutnya menggunakan saluran yang sedia ada bagi menyelesaikannya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, tindakan pihak berkenaan boleh menggugat prinsip toieransi dan kerjasama yang wujud dalam BN selama ini.

● BERITA LANJUT DI MUKA 2

Menurutnya, dengan menggunakan saluran yang ada, parti komponen BN dapat berbincang secara tertib, teratur dan waras bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Perdana Menteri berkata, perjuangan BN dan kerajaan adalah menentukan Malaysia terus aman, makmur, stabil dan tentram.

"Tetapi jika kita tidak berjaga-jaga, kestabilan yang kita capai akan hilang," katanya.

Mengenai tuntutan yang dikemukakan oleh sesetengah pihak dalam BN, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan, mereka perlu berhati-hati bagi mengelakkan diri daripada dituduh bertindak keterlaluan.

Beliau juga menyentuh sikap sesetengah wakil rakyat yang memindahkan kesetiaan daripada satu parti ke parti lain kononnya kerana perbezaan ideologi.

Menurutnya, perpindahan itu bukan disebabkan perbezaan ideologi, tetapi kerana wakil rakyat itu disogok atau dijanjikan wang. Perbuatan itu sama seperti menerima rasuah.

"Jika disyaki bahawa pemindahan kesetiaan wakil rakyat ialah kerana wang, siasatan akan dibuat terhadap wakil berkenaan. Jika didapati benar, tindakan undang-undang akan diambil terhadapnya," tegasnya.